

Bank Soalan SPM

Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan perniagaan dalam talian.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang perniagaan dalam talian.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Penipuan dalam talian meningkat

KUALA LUMPUR: CyberSecurity Malaysia (Cybersecurity) merekodkan 3921 kes penipuan dalam talian pada tahun 2014, berbanding dengan 3257 kes pada tahun 2015.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, penipuan dalam talian ialah kes paling banyak dilaporkan membabitkan keselamatan siber di Malaysia bagi tempoh lima tahun.

“Penipuan tersebut membabitkan pembelian barangan secara dalam talian, urusan niaga perbankan Internet, dan tipuan (scam).”

“Cybersecurity menerusi Pusat Koordinasi Cyber999 juga mendapati penjenayah siber turut menyebarkan perisian *malicious* atau ‘malware’ dan menceroob data maklumat yang dapat merosakkan sistem komputer serta menggugat keselamatan data peribadi individu atau sesebuah organisasi.”

Beliau berkata selepas merasmikan sambutan “Safer Internet Day 2017” anjuran Cybersecurity

di Angkasapuri hari ini, meminta orang ramai melaporkan sebarang kejadian jenayah siber dengan segera kepada Cybersecurity.

Berkenaan dengan Safer Internet Day, Madius berkata bersempena dengan sambutan Safer Internet Day yang diadakan pada setiap bulan Februari, beliau menyeru pengguna agar menggunakan Internet sebagai platform pengumpulan ilmu berguna.

Menurutnya, menjadi kebiasaan pengguna pada masa ini menularkan sesuatu perkara tanpa menyelidik terlebih dahulu kesahihan maklumat dan hal ini sangat serius serta harus diberikan perhatian oleh semua pihak.

“Komuniti yang aktif dalam Internet dan media sosial harus memastikan hanya berita sahih disebar, bukan berita palsu yang dapat memberikan kesan buruk untuk jangka panjang,” katanya.

Sumber: Kes Penipuan dalam Talian Meningkat – Madius, mstar.com.my



“Wah, licik betul! Bagaimanakah awak dapat mengesan penipuan pembeli itu?”

“Saya rasa pelik apabila pembeli ini menggesa saya untuk mengedpos barangan yang ditempah dengan segeranya selepas dia mengemukakan resit bank sebagai bukti bayaran. Terkejut saya dibuatnya. Bayaran yang dinyatakan oleh pembeli ini belum masuk ke dalam akaun saya.”

Dipetik daripada petikan Waspada Selalu, Buku teks Tingkatan 4 KSSM, m/s:156 Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahagian B
[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1 DOMAIN AWAM

Dasar Teknologi Hijau Negara telah dilancarkan oleh mantan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada bulan Julai 2009. Dasar ini menekankan aspek pemacuan pertumbuhan ekonomi negara dan pembangunan mapan. Pembangunan mapan hendaklah memenuhi keperluan masyarakat pada masa ini tanpa mengabaikan keperluan generasi akan datang.

Sumber: *Berita Harian Online*, 25 Februari 2015

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan kepentingan-kepentingan teknologi hijau tersebut.

2 DOMAIN PERIBADI

Impian seorang remaja, Abdul Manaf Abdul Aziz untuk menjadi doktor mungkin tercapai setelah dia mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kerana kejayaannya memperoleh keputusan yang cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) walaupun hidup dalam kemiskinan. “Saya amat terharu mendengar cerita kehidupan Adik Abdul Manaf yang ibunya sudah meninggal dunia pada tahun lalu dan ayahnya bekerja sendiri dengan pendapatan yang tidak menentu,” kata Mantan Menteri Pendidikan, Maszlee Malik.

Sumber: *Berita Harian Online*, 3 April 2019

Sebagai respons terhadap petikan di atas, huraikan usaha-usaha yang akan anda lakukan untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan.

3

DOMAIN PENDIDIKAN

Salbiah Ani (Berita Harian 20 Mac 2001), melalui rencana bertajuk ‘Kemelut Komponen Sastera dalam Bahasa Melayu’ telah mengemukakan hasil tinjauannya di beberapa buah sekolah di sekitar Kuala Lumpur mendapati ada guru yang berasa sukar untuk mengajarkan bahan komponen sastera (KOMSAS) dengan berkesan kerana mereka terpaksa berhadapan dengan murid daripada pelbagai latar belakang yang jarang-jarang ataupun langsung tidak didedahkan kepada unsur sastera. Oleh sebab itu, mereka kurang berminat dengan KOMSAS.

Sumber: *Pelaksanaan KOMSAS dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Menengah: Satu Tinjauan*,
Mohd Rasdi bin Saamah,
Jabatan Pengajian Melayu,
Institut Perguruan Tengku Ampuan Afzan

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan faktor yang menyebabkan murid-murid kurang menggemari KOMSAS.

4

DOMAIN KERJAYA

Sektor pelancongan menjanakan pendapatan yang lumayan kepada negara Malaysia. Dalam tempoh Januari hingga Jun 2019 sahaja, sejumlah RM21.4 bilion dijanakan hasil daripada kedatangan pelancong ke Malaysia. Kekayaan produk ekopelancongan dan biodiversiti negara Malaysia seharusnya dimanfaatkan dengan sepenuhnya untuk meningkatkan kehadiran pelancong asing dari seluruh dunia.

Sumber: *Berita Harian Online*, 20 Julai 2019

Berdasarkan petikan di atas, huraikan langkah-langkah untuk memajukan sektor ekopelancongan di Malaysia.

Kertas 2
Dua jam tiga puluh minit

1. Kertas soalan ini mengandungi **tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.**
2. Jawab semua soalan.

Bahagian A: Sistem dan Aplikasi Bahasa
[35 markah]

Soalan 1 : Morfologi

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Kenal pasti dan senaraikan **dua kata berimbuhan awalan pinjaman dan dua kata kerja pasif**. Kemudian, bina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap kata berimbuhan awalan pinjaman dan kata kerja pasif untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa, kata ganda atau nama khas.

Alam sekitar amat penting bagi kita. Anugerah sedemikian haruslah kita hargai selalu. Antara usaha untuk menjaga alam sekitar ialah perasaan cinta akan alam sekitar haruslah dipupuk dalam jiwa anak-anak sejak mereka di prasekolah lagi. Ibu bapa boleh bermula dengan perkara yang asas, iaitu mentarbiah anak-anak mereka tentang aspek penjagaan kebersihan di rumah. Di sekolah pula, murid-murid dididik oleh pihak guru tentang tatacara kitar semula seperti mengkategorikan sampah ke dalam tong sampah yang telah dikhaskan, mengumpulkan tin-tin kosong, dan sebagainya. Aktiviti sedemikian tidak sepatutnya terhad kepada murid-murid di sekolah sahaja malahan para mahasiswa dan mahasiswi pada peringkat universiti pun harus dididik dengan nilai sedemikian.

[8 markah]

Soalan 2 : Sintaksis

Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kemudian, kenal pasti dan tulis subjek dan predikat yang lengkap bagi **tiga ayat** yang anda pilih seperti yang berikut:

Subjek : _____

Predikat : _____

Pihak kerajaan haruslah menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) secara berterusan untuk memajukan industri robotik di Malaysia. Untuk menjayakan penyelidikan yang dijalankan, pihak kerajaan seharusnya memperuntukkan dana yang mencukupi melalui belanjawan negara pada setiap tahun. Dana yang secukupnya mestilah diperuntukkan untuk menjayakan penyelidikan bagi menghasilkan teknologi robotik yang canggih. Penghasilan teknologi robotik yang canggih dapat membantu manusia menjalankan pelbagai tugas dalam kehidupan harian.

[6 markah]

Soalan 3 : Penyuntingan

Bahan-bahan di bawah mengandungi **pelbagai kesalahan bahasa**. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.

Bahan 1

E-sukan adalah suatu bentuk acara sukan yang amat popular pada era siber ini. Penganjuran pertandingan e-sukan memerlukan infrastruktur yang lengkap untuk memastikan pertandingan yang dianjurkan berjalan dengan lancarnya. Untuk memenangi pertandingan yang disertai, atlet e-sukan perlu menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi. Acara e-sukan yang dipertandingkan pula perlu diperbanyakkan untuk mempopularkan sukan ini. Golongan belia yang meminati e-sukan disarankan agar menggilap bakat diri agar dapat mengharumkan nama negara dalam acara sukan ini pada masa yang akan datang.

Dipetik dan diubah suai daripada
'E-Sukan Akan Dimajukan seperti Sukan Lain di Sabah',
Utusan Borneo Online, 23 Julai 2020

[6 markah]

Bahan 2

Yoong : Selamat pagi, Encik Ahmad.

Encik Ahmad : Selamat pagi. Kamu mahu ke manakah?

Yoong : Saya mahu pergi ke tapak bola keranjang. Rakan-rakan saya telah mengundang saya untuk bermain bola keranjang bersama-sama.

Encik Ahmad : Baguslah, Yoong. Aktiviti senaman sememangnya mendatangkan pelbagai manfaat kepada tubuh badan kita. Dengan bersenam, kita akan dapat meredakan tekanan perasaan dan emosi.

Yoong : Betul, Encik Ahmad. Oleh itu, saya akan melakukan aktiviti senaman sekurang-kurangnya tiga kali seminggu.

[5 markah]

Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

Setelah sudah Kertala Sari berkata-kata demikian itu, maka orang penyuruh daripada Patih Gajah Mada itu pun datanglah. Maka dilihatnya Kertala Sari sedang berkata-kata dengan ibunya seperti laku orang berkelahi. Setelah dilihatnya oleh Kertala Sari orang datang itu, maka kata Kertala Sari kepada orang itu, “Siapa tuan hamba ini?”

Maka kata orang itu, “Manira ini disuruhkan oleh Patih Gajah Mada melihat pakanira, sudahkah datang dari Daha atau belumkah, kerana Patih Gajah Mada hendak bertemu dengan manira.” Maka Kertala Sari segera mengambil kerisnya lalu berjalan diiringkan oleh orang itu.

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’,
antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

Soalan 5 : Peribahasa

Baca petikan dialog di bawah dengan telitinya. Kenal pasti dan senaraikan peribahasa yang terdapat dalam petikan tersebut. Kemudian berikan **peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa tersebut**.

Siti : Sedih betul saya apabila melihat keadaan negara kita pada tahun ini. Sudahlah dilanda pandemik, disusuli pula dengan ekonomi yang merudum. Betul-betul seperti sudah basah kehujanan.

Ahmad : Dalam situasi ini, sememangnya banyak orang yang kehilangan pekerjaan mereka. Tetapi, tahukah kamu apakah perkara yang paling teruk? Dalam situasi genting begini, masih ada orang yang sanggup mengambil kesempatan, sanggup menahan lukah di pergentingan. Geram hati ini melihatnya.

Siti : Betul, Ahmad. Sebab itulah pihak kerajaan memerlukan orang seperti kita. Orang ramai dan masyarakat menjadi mata dan telinga kerajaan. Kita seharusnya bersikap berat sama dipikul, ringan sama dijinjing untuk menangani situasi ini.

Ahmad : Saya setuju dengan kata-kata kamu. Kita faham bahawa semua orang perlu melakukan sesuatu untuk kelangsungan hidup. Namun begitu, janganlah sampai kita menganiayai orang lain. Buatlah kerja atau tugas kita dengan mengamalkan sikap bagai menarik rambut di dalam tepung. Tidak menyusahkan sesiapa pun dan adil kepada semua pihak.

[4 markah]

Bahagian B: Pemahaman
[35 markah]**Soalan 6 : Petikan Umum**

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mengesan beberapa sindiket penipuan melalui aplikasi WhatsApp dan panggilan telefon yang mengugut orang ramai dengan menggunakan nama lembaga itu. *Modus operandi*nya ialah sindiket tersebut akan menghantar mesej berupa ugutan yang mengarahkan mangsa untuk memindahkan sejumlah wang ke dalam akaun bukan milik LHDN dan tindakan mahkamah akan dikenakan jika mangsa tidak mematuhi arahan yang diberikan.

Selain itu, mangsa akan dihubungi melalui panggilan telefon dan diberitahu bahawa mereka terlibat dalam kes jenayah dan kemudiannya panggilan tersebut akan disambungkan kepada talian palsu Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memperdaya mangsa. Oleh itu, LHDN menasihati orang ramai, terutamanya pembayar cukai agar sentiasa berwaspada dengan taktik sindiket itu dan membuat laporan polis dengan segeranya sekiranya telah terpedaya dan tidak panik apabila menerima mesej atau panggilan sedemikian.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Awat Sindiket Penipuan Guna WhatsApp, Panggilan Guna Nama LHDN',
Sinar Harian Online, 24 Julai 2020

Bahan 2

Polis Johor berjaya membongkar kegiatan sindiket penipuan Macau Scam, Ho & Michael (HM) susulan risikan selama sebulan yang dilakukan Polis Johor sebelum serbuan dibuat. Sindiket tersebut menggunakan teknologi terkini dan canggih, iaitu *Interactive Voice Response* (IVR) untuk menghubungi mangsa secara rawak dan panggilan tersebut akan disambungkan kepada operator di pusat panggilan untuk memperdaya mangsa bahawa mereka sudah melakukan kesalahan yang menyalahi undang-undang.

Di samping itu, sindiket tersebut juga menggunakan sistem pangkalan data haram yang dapat menyemak maklumat mangsa seperti nombor telefon, nombor kad pengenalan, dan alamat rumah menyebabkan mangsa berjaya diyakinkan dan diperdaya. Setakat ini, pihak polis berjaya mengenal pasti 12 kes yang membabitkan sindiket berkenaan dengan nilai kerugian dianggarkan bernilai RM595 299.

Selain di Malaysia, sindiket tersebut juga beroperasi di Kemboja, Thailand, Australia, Jepun, dan Vietnam. Sindiket tersebut diketuai oleh seorang lelaki rakyat tempatan dan rakan kongsinya yang masing-masing berusia 31 dan 36 tahun. Kini, mereka sedang diburu oleh pihak polis.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Polis Johor Bongkar Sindiket Macau Scam',
Berita Harian Online, 13 Julai 2020



- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *modus operandi*. [2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan modus operandi sindiket penipuan untuk memperdaya mangsa. [4 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu diambil untuk membanteras sindiket penipuan di negara Malaysia? [3 markah]
- (iv) Pada suatu hari, anda menerima panggilan telefon daripada seorang yang tidak dikenali yang menyatakan bahawa anda mempunyai cukai tunggakan. Anda diberi amaran bahawa hukuman penjara akan dikenakan jika anda tidak membuat bayaran dengan segeranya. Kemudian, satu nombor akaun diberikan kepada anda supaya anda dapat menjelaskan bayaran tersebut.
- Apakah yang akan anda lakukan dalam situasi tersebut? [4 markah]

Soalan 7 : Petikan Sastra

Baca bahan-bahan di bawah ini dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Gelanggang

Ini gelanggang kita
yang diwariskan oleh pendekar-pendekar *datuk moyang* lebih
lima dekad yang lalu
satu persepakatan kaum untuk diturunkan kepada anak cucu
di kemudian hari.

Hari ini kitalah pewaris gelanggang yang terbina dari keringat
dan air mata
dengan gelanggang inilah negara aman makmur rakyat
berpadu
kita pelihara gelanggang ini dengan kejaap sepenuh hati
kita mempertahankan kedaulatan watan dari anasir jahat
kerana telah terbukti dapat menyatupadukan pelbagai
keturunan.

Para pendekar kita harus berani berjuang menangkis tohmahan
demi mempertahankan maruah gelanggang keramat suci ini
suara-suara momokan sumbang memperlekehkan menyentuh
hati nurani
kita sanggah nyah tanpa kompromi dari menggugah
gelanggang
jangan sekali bermain api kelak membinasakan diri sendiri.

Marilah para pahlawan setia kita kukuhkan ukhuwah
elakkan pertelingkahan sesama sendiri.

Kitalah pewaris abadi yang menjunjung amanah ini
agar kecemerlangan tercerna di persada arena
terus memacu kejayaan demi maruah harga jati diri
membina sebuah negara bangsa yang harmoni dan dihormati
kita junjung dan taat hingga ke akhir hayat.

Onn Malini

antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

Pantun Hari Kemerdekaan

Berenang-renang si ikan gelama,
Gelama sungai mudik ke lurah;
Budi selautan hamba terima,
Jasa segunung hendak dicurah.

Ke Pekan Rabu di negeri Kedah,
Beras dibeli dibuat bedak;
Berjasa sudah berbudi pun sudah,
Entahkan terbalas entahkan tidak.

Bunga raya bunga sepatu,
Melar bersama periuk kera;
Kukuh perpaduan rakyat bersatu,
Menjunjung prinsip Rukun Negara.

Gadis desa cantik berseri,
Rambut disanggul jadi lilitan;
Pertahan negara bina jati diri,
Itulah sumpah anak watan.

Anak belalang anak sesumpah,
Melompat bermain di hutan Benta;
Bulat tekad kasih tertumpah,
Moga dirgahayu negara tercinta.

Dr. Adibah Binti Sulaiman @ Mohamad
USIM, Negeri Sembilan, 2020

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *datuk moyang*. [2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan dua peranan kita sebagai rakyat Malaysia yang patriotik. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh pelbagai pihak untuk menyemarakkan semangat cinta akan negara dalam kalangan generasi muda? [3 markah]
- (iv) Dalam perjalanan pulang ke rumah, anda ternampak anak jiran anda sedang memijak bendera Jalur Gemilang. Sebagai seorang remaja yang patriotik, apakah yang akan anda lakukan dalam situasi tersebut? [4 markah]

Soalan 8 : Novel

Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel *Tingkatan 4*.

- (i) Baca petikan novel di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Abang ni kalau bercakap memang pandai. Burung terbang pun boleh turun. Saya nak ke dapur. Nanti hangus pula nasi yang saya masak sebab leka dengan cakap abang,” kata Mak Milah sambil berlalu.

Pak Saidi kembali bersendirian melayan fikirannya. Dia teringat semula tulisan Syed Syekh al-Hadi dalam majalah Al-Imam dan risalah yang diterbitkan. Pelopor semangat kebangsaan itu menyeru orang Melayu supaya bersatu, bekerja kuat, dan melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan. Syed Syekh al-Hadi juga menyeru orang Melayu supaya bangun menentang penjajah.

“Suatu masa nanti penjajah akan pergi dan orang Melayu akan memerintah sendiri negeri ini. Oleh itu, kita mesti bersedia dari sekarang dengan memberikan didikan kepada anak-anak kita kerana mereka pemimpin masa depan.” Begitu tulisan Syed Syekh al-Hadi dalam majalah Al-Imam.

Dipetik daripada novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*,
oleh Abdul Latip bin Talib,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan seruan Syed Syekh al-Hadi kepada orang Melayu. [4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
(b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
(c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
(d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** kepincangan masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut. [6 markah]

Bahagian C: Rumusan [30 markah]

Bahan 1

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah ini, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Tahun 2020 merupakan tahun yang amat mencabar sekali bagi seluruh warga dunia akibat pandemik COVID-19. Peningkatan kes COVID-19 dari sehari ke sehari di seantero dunia sememangnya amat membimbangkan. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), pada 8 Januari 2020 yang lalu menyatakan COVID-19 dikaitkan dengan pneumonia dan berasal dari daerah Wuhan di negara China. Setakat ini, tiada penawar bagi penyakit berjangkit ini.

Tidak dapat dinafikan bahawa penularan COVID-19 mendatangkan pelbagai impak negatif. Satu daripada impak yang ketara ialah peningkatan kadar kematian di seluruh dunia. Sehingga 19 Februari 2020 yang lalu, kematian global mencatatkan lebih daripada 2000 orang. Sehubungan dengan itu, WHO menggesa semua negara supaya mengambil langkah proaktif dan drastik untuk menangani wabak berjangkit itu.

Selain itu, peningkatan kes COVID-19 secara mendadak menyebabkan banyak negara mengalami kekurangan pelitup muka, pakaian perlindungan diri, dan peralatan perubatan. Masalah ini perlu diberikan perhatian yang sewajarnya sebelum kudis menjadi tokak. Sementara itu, aktiviti perdagangan, acara sukan dan festival antarabangsa terpaksa dibatalkan untuk mengawal penularan pandemik COVID-19. Sebagai contohnya, negara Jepun telah menangguhkan penganjaran Sukan Olimpik 2020.

Pandemik COVID-19 yang kian menular ini juga mendatangkan impak negatif dari segi ekonomi. Harga minyak mentah dunia telah merudum sehingga menjejaskan pendapatan negara-negara pengeluar minyak. Pada masa yang sama, kadar pengangguran turut meningkat kerana banyak syarikat terpaksa mengurangkan jumlah pekerja untuk menjimatkan kos.

Pelbagai langkah telah diambil untuk mencegah COVID-19. Sesetengah negara telah menutup sempadan negaranya dengan harapan kes COVID-19 dapat dikurangkan. Bukan itu sahaja, perintah berkurung telah dilaksanakan untuk membataskan pergerakan penduduk. Langkah yang diambil hanya akan membuahkan hasil jika mendapat kerjasama padu daripada semua pihak.

Dipetik dan diubah suai daripada
'COVID-19: Banyak Impak dalam Masa Tiga Bulan',
Berita Harian Online, 6 April 2020

Bahan 2

